

# 'Khairy bukan penasihat pentadbiran saya'

Oleh **ROZAMAN ISMAIL**  
dan **HABIBAH OMAR**

**PUTRAJAYA** 21 Julai - Perdana Menteri Oatuk Scri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, menantu beliau Khairy Jamaluddin bukan penasihatnya dalam membuat apa-apa keputusan berkaitan pentadbiran negara.

Sebaliknya Abdullah menegaskan segala keputusan yang dibuat adalah keputusan beliau menggunakan akal fikiran sendiri.

"Menantu saya (Khairy) bukan penasihat saya. Dia tak lagi bekerja di Kementerian saya. Dulu dia bekerja dengan saya. Mungkin sebagai pekerja di bawah saya tentulah dia terlibat untuk buat analisis dan beri pandangan macam-macam perkara.

"Sekarang dia tak bekerja dengan saya lagi, dia dah berhenti. Dia tahu orang bising sangat. Dia tak ada kena-mengena lagi. Jadi kenapa tuduhan itu dibuat," tegasnya pada sidang akhbar sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri kali ke-100 di sini hari ini.

Abdullah memberitahu demikian sebagai mengulas pelbagai tuduhan yang dibuat ke atas menantunya yang juga Naib Ketua Pemuda UMNO dalam laman-laman web di Internet terutama penman Khairy dalam mempengaruhi pelbagai keputusan kerajaan dan pentadbiran negara.

Khairy pernah memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Sulit II ke-

pada Perdana Menteri merangkap Pengarah Bahagian Polisi dan Komunikasi Pejabat Perdana Menteri sebelum meletak jawatan pada tahun 2004.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Khidmat Nasihat Korporat, ECM Libra Bhd., pada 1 Ogos 2004.

Menurut Perdana Menteri, semua orang cubu mempengaruhi beliau termasuk rakyat, ahli politik, pembangkang tetapi beliau membuat keputusan yang difikirkan baik untuk rakyat dan negara.

"Semuanya berhajat mempengaruhi Perdana Menteri. Saya tak boleh elak daripada orang cuba pengaruh saya. Ada yang hantar surat minta itu, minta ini, tegur itu, tegur ini, semua ada.

"Saya tak dapat lari, tetapi yang penting adakah PM buat keputusan yang dia fikir wajar? Keputusannya adalah keputusan saya sendiri walau apa sekalipun. Perdana Menteri ini buat keputusan yang dia sendiri fikir baik untuk rakyat dan negara," tegasnya lagi.

Abdullah berkata, beliau mendengar pandangan daripada semua pihak termasuk Khairy, berhubung pemikiran dan pandangan Pemuda UMNO berkaitan perkara tertentu.

Katanya, amalan itu adalah biasa dan semua orang mahu menasihati Perdana Menteri secara sukarela tentang apa yang perlu Perdana Menteri lakukan.

"Tidak ada PM yang bebas daripada usaha atau percubaan oleh pelbagai pihak untuk mempengaruhinya, termasuk mempengaruhi supaya kita terima kontrak," kata beliau lagi.

Ditanya adakah beliau terluka dengan segala tuduhan ke atas Khairy, Abdullah berkata, beliau juga ada perasaan dan kadang-kadang merasa sedih terutama apabila keluar pelbagai tuduhan ke atas menantunya itu.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, beliau dapat mengawal diri dan tidak mahu terpengaruh sehingga menjadi kelimat kabut dan susah hati sampai tidak dapat bekerja.

"Saya tenang bekerja, perasaan dan fikiran dalam hal ini jugatenang. Saya tak buat keputusan untuk ambil harta orang, saya tak buat keputusan untuk menyusahkan orang. Sara buat keputusan rang saya fikirkan baik." katanya lagi.

## Keputusan

Walaupun begitu kata Abdullah, tidak semua keputusan yang dibuat oleh kerajaan akan menyenangkan semua orang dan mungkin sesetengah keputusan itu menyebabkan ada orang merasa susah sedikit atau orang rasa senang dan ia adalah salu perkara biasa.

"Mana ada keputusan yang dibuat kerajaan 100 peratus orang senang. Ada yang tak senang. Macam bab-bab pertukaran, ada yang senang, ada yang tak suka.

"Tetapi asalkan majoriti lalui kerja yang baik iaitu hanya kepada bangsa dan negara, maka itu jadi satu ukuran yang baik dan kita mesti buat keputusan sendiri," tegasnya lagi.

Abdullah berkata, sebagai Perdana Menteri beliau mesti membuat keputusan dan tidak boleh menyerahkan kepada orang lain, begitu juga dengan setiap menteri Kabinet mempunyai tanggungjawab untuk membuat keputusan mengikut bidaug tugas masing-masing.

Beliau berkata, apa gunanya menjadi Perdana Menteri kalau tidak berbuat apa-apa sehingga setiap hari orang mengata dan menteri Kabinet juga tidak boleh lepas tangan daripada tanggungjawab sedemikian.

"Saya pun kalau serahkan kepada semua orang buat keputusan, tak payahlah jadi PM, buat apa, baik buat kerja lain. Kalau jadi PM tak buat apa-apa, hari-hari orang mengata buat apa?" katanya lagi.

Abdullah berkala, walaupun tugas sebagai Perdana Menteri sukar, beliau mahu berkhidmat dengan cara sebaiknya dan melakukan pelbagai perkara yang terbaik menggunakan akal fikiran dan pada masa yang sama mungkin secara kebetulan idea dan pemikirannya menyamai dengan fikiran orang lain.

"Macam-macam yang saya nak lakukan maka saya gunakan akal saya untuk memikir apa yang terbaik dan mungkin secara kebetulan fikiran saya itu menyamai fikiran seorang, empat, lima orang, 10 orang atau 20 orang yang lain.

"Itu tak apa asal rakyat senang dengan apa yang kita buat dan dengan itu rakyat tahu apa yang kita buat memenuhi kehendak mereka," kata beliau lagi.